

Dr M minta MCA lebih prihatin

BH 1.6 JUN 1994

Oleh Izman Ismail dan Abdul Karim Mustafa

KUALA LUMPUR, Rabu — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan sedia mengkaji memorandum Pergerakan Pemuda MCA selagi ia tidak bercanggah dengan kepentingan penduduk di negara ini.

Menurutnya, sebarang cadangan yang dikemukakan sepatutnya mengambil kira pandangan penduduk lain di negara ini, tanpa mengutamakan kepentingan politik semata-mata.

"Dalam pertemuan semalam, saya jelaskan bahawa kita hormati pandangan mereka. Bagaimanapun, kita juga harus mengambil kira kepentingan serta pandangan pihak lain di negara ini," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyaksikan majlis menandatangani Perjanjian Bersama dan Pemindahan Teknologi di antara Pembinaan Jaya-bumi (S) Sdn Bhd, P.P Centre Company Ltd of Thailand dan Hormozgan Province Municipalities Co of Iran.

Semalam, 51 pemimpin Pergerakan Pemuda MCA menyerahkan memorandum mengenai isu politik, pendidikan dan bahasa kepada Perdana Menteri. Ketua Pemuda MCA, Datuk Chan Kong Choy mengetuai rombongan itu.

Mengulas memorandum meminta kerajaan meng-

hapuskan ekuiti 30 peratus Bumiputera dalam syarikat usahasama, Perdana Menteri berkata, beliau menghormati pandangan itu.

"Kita boleh tengok, sejauh mana wajarnya cadangan itu tetapi kita juga mengambil kira kepentingan pihak lain. Saya sudah terangkannya semalam, terpulang," katanya.

Ditanya sama ada cadangan itu wajar dikemukakan, Dr Mahathir berkata: "Soal sama ada wajar atau tidak, tidak pernah timbul. Dalam politik ini, kadang-kadang dia usaha untuk diri dia, tak apalah."

Bagaimanapun, katanya, kerajaan tidak menganggap cadangan itu bertujuan menimbulkan sengketa sebaliknya sekadar untuk diperbincangkan secara baik semata-mata.

"Kita tidak mengangap ia sebagai suatu masalah sebaliknya sedia berbincang dan mendengar pandangan pihak lain dalam suasana yang baik dan harmoni," katanya.

Sementara itu, dalam sidang akhbar di sini, Chan Kong Choy berkata, MCA meminta kerajaan lebih fleksibel dalam menetapkan ekuiti bagi memastikan usaha sama Cina-Melayu lebih tulen.

Menurutnya, cadangan itu adalah antara yang dikemukakan kepada Perdana Menteri untuk mem-

beri peluang kepada kaum Cina-Melayu mempelajari kekuatan dalam menambahkan daya saing di bidang perniagaan.

"Pemuda MCA menggariskan bahawa usaha sama Melayu-Cina hendaklah praktikal dari segi kemampuan ekonomi dan keuntungan berpatutan serta peraturan ekuiti untuk usaha sama sedemikian hendaklah tidak ditetapkan kerana ia akan berubah mengikut keadaan.

"Kami berpendapat bahawa penyertaan semua kaum yang saksama dalam sumber pengurusan dan kakitangan hendaklah berdasarkan kecemerlangan dan keperluan. Selain itu, rakan sekongsi patut menunaikan tanggungjawab sosial serta usaha sama itu hendaklah memanfaatkan kedua-dua pihak," katanya.

Mengenai pertemuan semalam, Chan berkata, Perdana Menteri memberi jaminan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) atau SRJK (C) akan dikekalkan selagi Barisan Nasional (BN) memerintah serta selagi rakyat mengkehendakinya.

Meneenai cadangan lain yang dikemukakan, beliau berkata, Pemuda MCA turut menggesa supaya Akta Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) 1972 dipinda bagi membolehkan penubuhan Majlis Bandaraya Kuala Lumpur.